

# Negara maju perlu bayar: PM

(P) *top over sea*

BM 14 JUN 1992

RIO DE JANEIRO: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mempertahankan pendirian negara membangun bahawa negara kaya perlu membayar perkhidmatan negara yang mempunyai hutan tropika kerana menyedut pencemaran yang dihasilkan di negara maju.

Perdana Menteri berkata, adalah tidak wajar negara membangun terpaksa membayar perkhidmatan sedangkan negara maju mahu supaya hutan tropika dipelihara untuk kepentingan mereka.


Katanya, Malaysia dan negara membangun menggunakan hutan mereka kerana ia adalah hasil pendapatan negara berkenaan.

Bercakap dalam wawancara dengan *Independent TV Station (ITN)*, Dr Mahathir berkata, negara maju sadar bahawa apa yang berlaku di negara membangun dan miskin memberi kesan kepada negara kaya. Begitu juga apa yang berlaku di negara kaya memberi kesan kepada negara membangun

dan miskin, terutama negara yang bergantung kepada perdagangan.

"Sebagai contoh, jika negara maju menghadapi tekanan inflasi, kesannya pasti diterima negara membangun dan miskin. Kesan inflasi yang teruk di negara berkenaan pula terpaksa ditanggung negara maju," katanya.

Semalam, Dr Mahathir turut mempengerusikan persidangan plenari Sidang Kemuncak Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan (Unced), selepas Presiden Amerika George Bush berucap.



Dr Mahathir kemudian mengadakan rundingan dua hala dengan Presiden Brazil, Fernando Collor de Mello. Dalam rundingan itu, mereka membincangkan pelbagai perkara berkaitan Unced.

Menjawab soalan, Dr Mahathir berkata, beliau tidak dapat menerima alasan bahawa negara maju bebas mengeluarkan sisa dan buangan sedangkan tugas menyerapkannya diserahkan kepada negara yang mempunyai hutan tropika.

Katanya, tidak ada sebab negara maju tidak bo-

leh menggunakan kawasan hutan mereka untuk menyerap asap dan sisa yang menjadi punca suhu dunia kini panas.

Beliau mahu negara maju jangan hanya pandai bercakap semata-mata, sebaliknya membuktikan kejujuran mereka dalam menghadapi masalah suhu dunia yang kian panas.

"Kita jangan pandai bercakap saja. Kita mesti tunjukkan teladan yang baik," katanya.

Ditanya sama ada Unced berjaya mencapai matlamatnya, Perdana Menteri berkata, ia hanya boleh dinilai selepas persidangan Rio ini.

Katanya, ikrar yang dibuat sepanjang persidangan, termasuk soal pembiayaan, perlu dipatuhi.

Bagaimanapun, katanya, kejayaan mengumpul pemimpin daripada 180 negara untuk membincangkan soal alam sekitar boleh dianggap berjaya berbanding 20 tahun lalu yang hanya dihadiri oleh pakar bidang tertentu.